

Rakyat iktiraf kepemimpinan PM

BH 1 APR 2002

BENTONG, Ahad – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganggap kemenangan Barisan Nasional (BN) di Ketari sebagai kemenangan konsep kerjasama dalam BN yang mewakili semua kaum.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia juga tanda pengiktirafan penduduk Ketari terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menunjukkan mereka menolak kehadiran pembangkang.

Katanya, calon RN berjaya mencapai kemenangan jauh lebih besar berbanding majoriti pada pilihan raya umum 1999 dan majoriti di semua kawasan juga berjaya di pertingkatkan.

“Sokongan yang diberikan pengundi amat membesar berbanding dan ini bermakna BN berjaya meningkatkan pengaruh di Ketari, walaupun pelbagai isu cuba di bangkitkan pembangkang.

“Saya ucapkan terima kasih kepada pengundi di Ketari dan saya sendiri akan memastikan wakil rakyat yang dipilih, Yum

Ah Ha, akan bekerja kuat sebagaimana ikrar beliau,” katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada jentera BN yang membatikan semua parti komponen yang bekerja keras bagi menjamin kemenangan BN, diketuai Menteri Datuk Seri Adnan Yaakob dan Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Timbalan Perdana Menteri juga gembira kerana pilihan raya kecil itu bebas daripada sebarang insiden, kecuali kes kecil iaitu mengoyak poster dan pergaduhan kecil.

Sementara itu, beberapa pemimpin BN lain ketika ditemui menyuarakan pandangan yang sama tetapi mengingatkan pemimpin parti komponen supaya kemenangan ini tidak dijadikan alasan bagi RN bersifat alpa atau lalai.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Niiib Tun Razak, berkata kemenangan pilihan raya ini dilihat sebagai kemenangan meyakinkan kepada negeri Pahang kerana majoriti yang lebih meningkat.

“Dengan kemenangan ini, jelas dari segi pemuliharaan politik Pahang sudah berubah ke arah lebih positif dan berada pada tahap yang lebih selesa.

“Namun kita tidak boleh alpa dan lalai dengan keputusan pilihan raya ini kerana kita perlu teruskan tugas kita untuk rakyat,” katanya.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kemenangan pilihan raya kecil ini menunjukkan rakyat mempunyai kepercayaan kepada BN semula.

“Ia kemenangan yang meyakinkan dan menunjukkan rakyat menaruh kepercayaan semula kepada BN,” katanya.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob yang juga Pengarah Pilihan Raya BN Ketari berkata, peningkatan majoriti undi yang diperoleh calon RN kali ini jelas menunjukkan pengundi Ketari menyokong kerajaan BN, sekali gus menolak pembangkang.

“Kemenangan ini satu “wake-up call” kepada semua pihak supaya lebih bersedia menjelang pilihan raya umum tidak lama



Gambar oleh Izhari Ariffin dan Rahim Rahmat

lagi,” katanya.

Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman, pula menyifatkan kemenangan BN adalah kejayaan besar dan membuktikan Puteri Umno juga faktor penentu kejayaan BN.

“Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin komponen BN kerana memberi peluang kali ketiga kepada Puteri Umno,” katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula

berkata kerjasama semua parti komponen BN membolehkan BN memperoleh majoriti undi yang meningkat sehingga 10 kali ganda.

Beliau berkata, kejayaan itu membuktikan masyarakat pelbagai kaum memberi kepercayaan kepada BN untuk terus membangunkan negara ini.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, berkata ia adalah hasil kerjasama semua parti komponen BN untuk bertindak sebagai satu pasukan bagi membangunkan negara.

“Rakyat lihat bagaimana BN membantu mereka untuk wujudkan satu suasana bagi membangunkan masyarakat pelbagai kaum.

“Ini membuktikan masyarakat Ketari memberi mandat sekali lagi kepada BN di bawah kepimpinan PM. Ini konsep yang amat baik kerana parti pembangkang tidak dapat bekerjasama,” katanya.

Pengerusi Pergerakan Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata kemenangan BN dengan majoriti lebih besar membuktikan rakyat, khususnya di Ketari menerima konsep pemerintahan kerajaan yang sentiasa mengutamakan perdamaian, keharmonian dan pembangunan.

Katanya pendekatan kempen Pemuda BN yang lebih menjurus kepada usaha mendekati pengundi

ternyata berhasil dan memberikan kesan mendalam kepada penduduk.

Beliau berkata sikap muafakat dan bersatu yang ditunjukkan Pemuda BN berbilang kaum adalah kekuatan utama BN.

“Saya yakin Yum Ah Ha tidak akan mengecewakan penduduk di sini dan akan terus turun padang untuk memberikan khidmatnya kepada seluruh pengundi,” katanya.

Hishammuddin turut mengucapkan penghargaan kepada seluruh jentera Pemuda BN yang datang dari setiap pelusuk negara untuk bersama-sama membantu BN mengekalkan kemenangan dengan majoriti lebih besar.